From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM BANTU TINGKATKAN EKONOMI BAKAT ATM, TUAIAN SULUNG CILI BARA RAIH RM3,180
Date: Wednesday, 2 September, 2026 12:19:47 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Noranida Mokthsim

UUM BANTU TINGKATKAN EKONOMI BAKAT ATM, TUAIAN SULUNG CILI BARA RAIH RM3,180



UUM ONLINE: Pengkalan Hulu - Kejayaan luar biasa lakaran kerjasama strategik akademik dan tentera tercipta apabila projek penanaman fertigasi cili bara di Kem Batalion Ke-3 Rejimen Sempadan (3 RS), Kem Pengkalan Hulu mencatatkan rekod jualan hasil tuaian sulung yang membanggakan dengan nilai mencecah RM3,180.

Kejayaan gemilang ini direalisasikan menerusi peruntukan Geran Ekonomi Madani Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diterajui oleh penyelidik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Noranida Mokthsim dari Pusat Pengajian Kerajaan (SOG).

Pencapaian berimpak tinggi ini sekali gus menjulang nama UUM di persada kebangsaan sebagai pusat pengajian tinggi terkemuka yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah terbukti menerajui inovasi sosioekonomi tanah air.



Dr. Noranida berkata, projek penanaman berimpak tinggi ini melibatkan penyertaan aktif seramai 20 ahli Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Kem Pengkalan Hulu.

Menurutnya, menerusi pemindahan ilmu dan bimbingan berterusan daripada UUM, peserta telah dipimpin secara komprehensif merentasi keseluruhan rantaian nilai pertanian moden bermula daripada fasa penyediaan media penanaman, teknik penjagaan rapi, penuaian hasil secara sistematik, sehinggalah kepada strategi pemasaran yang berkesan.

“Hasil tuaian sulung cili bara yang berkualiti tinggi ini berjaya menembusi pasaran tempatan secara meluas apabila mendapat sambutan hangat daripada premis perniagaan sekitar serta pemborong-pemborong utama cili bara.

“Keupayaan meraih nilai RM3,180 bagi penuaian kali pertama ini membuktikan kecekapan teknologi fertigasi dan keupayaan ahli BAKAT dalam menguasai aspek agroprenuer secara pragmatic,” katanya.

Penjualan cili bara ini bukan sekadar pencapaian angka jualan, malah merupakan simbol kejayaan model transformasi ekonomi komuniti yang ampuh.

Ia memperlihatkan bagaimana sinergi mantap antara kepakaran penyelidik UUM dan disiplin serta komitmen tinggi warga BAKAT mampu menghasilkan impak ekonomi nyata yang merancakkan pendapatan isi rumah.

Kejayaan Projek Fertigasi Cili Bara Ekonomi Madani ATM ini memperkukuhkan peranan UUM di bawah teras "Ilmu, Budi, Bakti", memperlihatkan institusi akademik ini sentiasa berada di garis hadapan dalam mentransformasikan komuniti menerusi keusahawanan tani moden.

Pendekatan berasaskan penyelidikan dan pemindahan teknologi yang diterapkan oleh penyelidik UUM ini telah membolehkan komuniti sasaran berdikari dan menjana pendapatan yang mantap.

Inisiatif cemerlang ini dijangka bakal menjadi penanda aras serta model ikutan bagi kem-kem tentera dan komuniti setempat yang lain dalam memperkasakan agenda keterjaminan makanan (*food security*) negara.

UUM melakar sejarah baharu dalam menghubungkan jurang antara dunia akademik dan aplikasi realiti, sekali gus membuktikan bahawa hasil penyelidikan universiti mampu mencetuskan impak berprestij dan menaikkan nama UUM sebagai peneraju kecekapan sosioekonomi di peringkat tertinggi.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent

permitted by law.